


Headline	KHIDMAT DOKTOR POKOK BERTAULIAH		
MediaTitle	Kosmo		
Date	21 Mar 2016	Color	Full Color
Section	Kosmo 2	Circulation	197,202
Page No	21TO23	Readership	875,000
Language	Malay	ArticleSize	2558 cm <sup>2</sup>
Journalist	Oleh RIZAM ZAKARIYA Foto SURIYA BONMA	AdValue	RM 66,384
Frequency	Daily	PR Value	RM 199,152



**Kosmo!** • ISNIN 21 MAC 2016

Ikuti kami di Kosmo.Online

**K2**  
MENYELAMI HIDUP ANDA

**KHIDMAT DOKTOR  
POKOK BERTAULIAH**

> Lihat muka 22 & 23

Headline	KHIDMAT DOKTOR POKOK BERTAULIAH		
MediaTitle	Kosmo		
Date	21 Mar 2016	Color	Full Color
Section	Kosmo 2	Circulation	197,202
Page No	21TO23	Readership	875,000
Language	Malay	ArticleSize	2558 cm <sup>2</sup>
Journalist	Oleh RIZAM ZAKARIYA Foto SURIYA BONMA	AdValue	RM 66,384
Frequency	Daily	PR Value	RM 199,152

**K2**  
22  
MENYELAMI HIDUP ANDA

Oleh RIZAM ZAKARIYA  
Foto SURIYA BONMA

**RENCANA UTAMA**

FARIZA FIRDAUS menunjukkan cara-cara menggunakan pita pengukur untuk mengukur lilitan batang pokok bagi tujuan pengumpulan data.

TAMAN Tasik Taiping, Perak ini masih kaya dengan pokok bermula tinggi yang berusia ratusan tahun dan perlu pemuliharaan sempurna.

**Kerjaya arborist sangat penting bagi mengesankan tahap kesihatan pokok agar ia kekal hidup dan mengindahkan landskap sedia ada.**

**K**ETIKA memulakan kerjaya sebagai seorang jururunding landskap pada tahun 2000, Fariza Firdaus Mohd. Salleh, 38, hanya melakukan tugas-tugas yang diamanahkan kepada dia.

Graduan Sarjana Seni Bina Lanskap, Universiti Putra Malaysia (UPM) itu banyak terlibat dalam projek pembinaan dan mengindahkan landskap.

Begitupun, dia tidak pernah mempunyai perasaan sentimental terhadap pokok walaupun sebahagian besar tugasnya berkaitan dengan tumbuhan itu.

"Sepanjang 10 tahun pertama bergelar jururunding landskap, saya kerap mendengar istilah *arborist* atau doktor pokok tetapi saya tidak tahu apa maksudnya. Bagi saya, pokok adalah pokok dan jika rosak, tebang sahaja pokok berkenaan serta tidak perlu dirawat seperti manusia.

"Garisan doktor pokok itu sendiri sebenarnya kedengaran agak lucu. Saya tidak pernah terfikir untuk menjadi doktor pokok kerana kerjaya saya hanyalah sebagai perancang landskap, bukan memeriksa tahap kesihatan pokok," katanya.

Fariza Firdaus

**AHMAD AINUDDIN (kanan)** dan Nik Ikmal melakukan kerja-kerja pengumpulan data tahap aliran air pada batang pokok menggunakan peralatan *thermal dissipation probe*.

menjelaskan, lama-kelamaan, dia mula menyedari bahawa tugas sebagai jururunding landskap tidak hanya terhad kepada merancang pembinaan landskap tetapi turut memerlukan kemahiran tambahan terutamanya pengetahuan berkaitan pokok.

"Sejak itu, saya terfikir untuk menjadi *arborist* bagi meningkatkan pengetahuan terhadap pokok. Pada 2012, saya ambil keputusan untuk menghadiri bengkel dan menduduki ujian yang dikendalikan oleh Persatuan Arborist Malaysia (PArM).

AHMAD AINUDDIN (kanan) dan Nik Ikmal melakukan kerja-kerja pengumpulan data tahap aliran air pada batang pokok menggunakan peralatan *thermal dissipation probe*.

dengan kerjasama UPM mengendalikan satu bengkel berkaitan kerjaya itu selain turut menawarkan ujian yang dipantau oleh ISA pada 2005.

**Kumpulan pertama**  
Kumpulan pertama arborist bertauliah di negara ini kemudiannya menubuhkan PArM. Ia bagi mengumpulkan kesemua arborist dalam satu komuniti untuk bertukar pendapat dan meningkatkan kemahiran masing-masing.

PArM yang berdaftar sebagai sebuah persatuan di bawah ISA telah mengambil inisiatif untuk meneruskan program yang dilakukan oleh FRIM dan UPM dengan mengendalikan kursus persediaan serta ujian bagi melahirkan lebih ramai arborist di negara ini.

Mengulas lanjut mengenai kerjaya arborist, Presiden PArM, Prof. Dr. Ahmad Ainuddin Nuruddin memberitahu, khidmat arborist sangat diperlukan di negara ini dalam beberapa tugas iaitu bagi tujuan penanaman pokok, pangkas, penebangan, pemindahan, penilaian risiko pokok, penilaian ekonomi dan perancangan hutan bandar.

Menurut beliau, arborist

**Di negara ini, arborist** mula dikenali selepas Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM)

**Powered by:**

Headline	KHIDMAT DOKTOR POKOK BERTAULIAH		
MediaTitle	Kosmo	Color	Full Color
Date	21 Mar 2016	Circulation	197,202
Section	Kosmo 2	Readership	875,000
Page No	21TO23	ArticleSize	2558 cm <sup>2</sup>
Language	Malay	AdValue	RM 66,384
Journalist	Oleh RIZAM ZAKARIYA Foto SURIYA BONMA	PR Value	RM 199,152
Frequency	Daily		



PICUS tomograph berteknologi sonar ini digunakan untuk mengesan ketumpatan batang pokok.

RENCANA UTAMA



KEJADIAN pokok tumbang boleh dielakkan sekiranya tahap kesihatan pokok diperiksa lebih awal. — Gambar hiasan

#### Peralatan khusus

Kebanyakan pelanggan lebih kerap menggunakan khidmat *arborist* bagi tujuan pemuliharaan iaitu mengesan tahap kesuburan dan kesihatan pokok.

Bagi melaksanakan tugas itu, terdapat beberapa peralatan khusus yang akan digunakan seperti klinometer, pita pengukur, tukul, pemutar skru, pisau dan *picus tomograph*.

"Klinometer merupakan satu alat yang menyerupai teropong elektronik yang digunakan untuk mengukur ketinggian sebatang pokok manakala *picus tomograph* pula digunakan sebagai pengimbas batang pokok bagi mengesan tahap ketumpatannya.

"Tukul puia untuk mengesan kewujudan sebarang lompong pada teras pokok. Pemutar skru atau pisau digunakan untuk mengesan kesan luka pada batang atau kulit," katanya.

Jelasnya lagi, jika pokok yang diperiksa itu mengalami



ARBORIST akan memeriksa kulit pokok bagi melihat tahap kerosakannya.

kerosakan sama ada pada batang teras atau daham, *arborist* akan memberi cadangan supaya bahagian yang rosak itu dipotong bagi mengelak ia berisiko kepada orang ramai atau harta benda.

Sekiranya kerosakan yang dialami itu kecil, hanya kerja-kerja pemuliharaan dilakukan bagi membolehkan pokok tersebut kekal hidup dan menjadi sebahagian daripada landskap di kawasan berkenaan.

"Pokok tidak boleh ditebang atau dipotong sesuaikan kerana ia boleh menyebabkannya menjadi stres, sekali gus merentangkan pertumbuhan.

"Sebab itulah khidmat *arborist* sangat diperlukan dalam memastikan pokok



NIK IKMAL

boleh hidup dengan baik walaupun telah mengalami kerosakan," tambahnya.

Bercakap mengenai pokok hiasan yang terdapat di tepi jalan dan di taman-taman pula, Setiausaha PArM, Nik Ikmal Fathi Husain memberitahu, kebanyakannya merupakan pokok bernilai tinggi terutama pokok yang ditanam pada zaman British.

"Pokok seperti angsan dan hujan-hujan yang masih hidup kim mungkin sudah berusia lebih 100 tahun. Ia bernilai tinggi walaupun pada asalnya ditanam untuk tujuan pokok teuhan.

"Pokok itu masih boleh dilihat di beberapa kawasan terutamanya di Taman Tasik Taiping di Perak, Klebang (Melaka) dan di George Town (Pulau Pinang).

"Disebabkan itu, khidmat *arborist* sangat diperlukan bagi tujuan pemuliharaan dan pemeliharaan agar pokok tersebut kekal hidup dan tidak mendatangkan risiko kepada orang ramai," katanya.

Tambahnya lagi, semua pihak berkauas tempatan (PBT) mempunyai perancangan tersendiri untuk memelihara dan memulihara pokok-pokok di bawah seliaan mereka.

"Kebanyakan PBT memiliki *arborist* mereka sendiri dan ada juga yang menggunakan khidmat *arborist* bertaualiah dari luar negara bagi melakukan kerja-kerja itu.

"Secara tidak langsung, perkembangan itu telah mengiktiraf kerja *arborist* sebagai sesuatu yang sangat penting dalam bidang landskap," katanya.

Nik Ikmal menjelaskan, kesedaran yang tinggi dalam kalangan anggota masyarakat terhadap pemuliharaan dan pemeliharaan pokok-pokok turut mendorong pelbagai pihak untuk menggunakan khidmat *arborist*.

Katanya, antara pihak tersebut ialah pemaju-pemaju perumahan dan komersial yang kini cenderung untuk mewujudkan kawasan hutan bandar.

#### INFO Arborist

- Kerjaya profesional yang terlibat dalam memberi pandangan dan cadangan berkaitan pemilihan, penanaman, cantasan serta pemotongan pokok
- Fokus kepada kerja-kerja pemuliharaan pokok untuk tujuan pengurangan risiko
- *Arborist* akan ditauliah oleh ISA setelah lulus ujian
- Di Malaysia, *arborist* bernegeri di bawah PArM
- Terdapat hanya 96 *arborist* yang bertaualiah di Malaysia ketika ini
- Facebook Persatuan Arborist Malaysia

# UPM komited lahirkan bakal *arborist*

KERJAYA *arborist* sangat diperlukan dalam pelbagai bidang terutamanya yang melibatkan pembangunan landskap dan hutan bandar.

Begitupun, jumlah *arborist* bertaualiah di negara ini masih kurang dan belum dapat memenuhi permintaan pihak industri khususnya pemaju projek perumahan serta komersial.

Ketua Jabatan Pengurusan Hutan, Fakulti Perhutanan, Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof. Madya Dr. Mohd. Nazre Saleh berkata, bagi melahirkan lebih ramai *arborist*, UPM merancang untuk

menawarkan kursus Pengurusan Hutan Bandar kepada para mahasiswa yang sedang mengikuti pengajian di fakulti itu.

"Sebelum ini, mahasiswa daripada Fakulti Perhutanan memang diajar mengenai hutan bandar tetapi ia hanyalah secara umum dan diselitkan dalam silibus lain.

"Bermula semester baru pada September ini, kami akan menawarkannya sebagai satu kursus baruu."

"Ia akan menjadi lebih



MOHD. NAZRE

menyeluruh dan mendedahkan para mahasiswa terhadap pembangunan hutan bandar yang sebenar, sekali gus meningkatkan minat mereka terhadap kerjaya *arborist*," katanya.

Menurut Mohd. Nazre lagi, para mahasiswa tersebut juga secara automatik layak untuk menduduki ujian khas yang dijalankan oleh Persatuan Arborikultur Antarabangsa.

Ini kerana katanya, salah satu syarat penting untuk layak

menduduki ujian itu adalah calon mesti terlibat dalam bidang yang berkaitan dengan landskap atau apa-apa bidang yang berkaitan dengan pokok.

"Ia secara tidak langsung akan membantu usaha melahirkan lebih ramai *arborist* bertaualiah di negara ini yang bakal berkhidmat dalam pelbagai sektor," katanya.

Tambahnya, kerjaya *arborist* memiliki masa depan yang cerah kerana ia sangat diperlukan oleh pelbagai pihak yang terlibat dalam pengurusan pokok dan landskap terutamanya pihak berkauas tempatan, perunding landskap serta pemaju projek pembangunan.